

Karakter Kepimpinan: Hubung Kait Konteks Alam dengan Kehidupan Sosial Berdasarkan Permaknaan dalam Ukiran Kayu Tiga Dimensi

Herwandi Herwandi¹, Fakhrrur Razi Maamor^{2*}, Sabzali Musa Kahn², Indirawati Zahid² dan Basitah Taif³

¹*Fakultas Ilmu Budaya, Universitas Andalas, 25175 Sumatera Barat, Indonesia*

²*Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia*

³*Kolej Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia*

ABSTRAK

Sejarah masyarakat dunia telah membentuk sebuah kepimpinan dalam organisasi global; tidak terkecuali masyarakat Adat Perpatih yang menjadikan ukiran tiga dimensi buah buton yang terbina berlandaskan konteks alam. Oleh itu, kajian ini bertujuan menganalisis hubung kait konteks alam dengan masyarakat Adat Perpatih yang diinterpretasikan dalam ukiran tiga dimensi buah buton. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengguna pakai kaedah kerja lapangan dan temu bual. Kerja lapangan melibatkan penyelidikan terhadap rumah-rumah tradisional yang mempunyai ukiran buah buton sekitar Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan. Manakala, temu bual pula mengetengahkan responden-responden daripada kategori pengamal Adat Perpatih, penyelidik Adat Perpatih dan masyarakat tempatan. Kajian ini mendapati bahawa buah buton hanya ditemui pada rumah-rumah tradisional yang dimiliki atau dihuni pemimpin adat ataupun golongan bangsawan. Dapat disimpulkan, pengaplikasian subjek tersebut sebagai sebuah peringatan buat pemiliknya yang mempunyai status dalam Adat Perpatih

dengan menjadikan konteks alam sebagai rujukan dan panduan buat masyarakatnya. Ini menunjukkan bahawa karakter atau sifat alam itu dijadikan metafora dalam membentuk sebuah permikiran kepimpinan yang holistik dan berketerampilan. Ini merupakan sebuah impak kepada keperibadian seseorang yang bukan sekadar menjadikan buah buton sebagai perhiasan; malah, mampu menembus hati dan jiwa

ARTICLE INFO

Article history:

Received: 23 October 2023

Accepted: 08 March 2024

Published: 28 May 2024

DOI: <https://doi.org/10.47836/pjssh.32.S2.06>

E-mail addresses:

herwandi@hum.unand.ac.id (Herwandi Herwandi)

fakhrurrazi991@um.edu.my (Fakhrrur Razi Maamor)

sabzali@um.edu.my (Sabzali Musa Kahn)

indirawati@um.edu.my (Indirawati Zahid)

basitah@uitm.edu.my (Basitah Taif)

* Corresponding author

nurani si pemiliknya dengan bersandarkan pada akal fikiran yang logik. Maka, artikel ini mencadangkan agar penyelidikan yang khusus terhadap permaknaan setiap ciri yang diukir pada ukiran buah buton dilakukan bagi melihat kaitannya dengan kepimpinan dalam sesebuah organisasi.

Kata kunci: Adat, alam, kepimpinan, organisasi, ukiran

Leadership Characters: The Interrelation of Natural Context with Social Life Based on The Meaning of Three-Dimensional Carving

ABSTRACT

The history of global society has shaped the leadership of universal organisations; the Adat Perpatih community, which creates three-dimensional wood carvings of buah buton based on the natural context, is no exception. Therefore, this study aims scrutinize the interrelation between the natural environment and the Adat Perpatih community, as depicted in the three-dimensional wood carving of the buah buton. In order to accomplish these aims, this study employs qualitative methods, including fieldwork and interviews. Traditional houses with buah buton carvings were researched in the vicinity of Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan, as part of the fieldwork. Meanwhile, interviews highlight Adat Perpatih practitioners, Adat Perpatih researchers, and local communities as sources of information. Based on this data, it was determined that buah buton is only found in traditional houses owned or inhabited by customary leaders or nobles. The application of the buah buton as a reminder for its proprietor, who has a status in the Adat Perpatih, can be concluded by making the natural context a reference and guide for the community. It demonstrates that the character or essence of nature is used as a metaphor for developing a holistic and competent leadership mindset. It affects the personality of someone who uses buah buton for more than just decoration; rather, by using reason, they can pierce the owner's heart and soul. Therefore, this article suggests that specific research be conducted on the significance of each feature carved on the buah buton carving to determine its relationship with organisational leadership.

Keywords: Carving, custom, leadership, nature, organisation

PENGENALAN

Kekuatan sesebuah organisasi itu mampu menghasilkan pengaruh yang dapat memberi kesan kepada kebangkitan

sebuah kesedaran dalam pengurusan bekerja. Ini bermain dengan psikologi dalam membentuk usaha sama dalam meningkatkan mutu keberhasilan dalam

pengurusan organisasi (Cakir & Adiguzel, 2020); malah sesebuah negara di peringkat global. Maka, kebertanggungjawaban itu perlu menjadi asas kepada pemimpin supaya berfikir lebih holistik dan kreatif dalam memastikan keberkesanan yang positif dapat diaplikasikan dalam pengurusan agar menjadi efisien. Syarikat-syarikat besar seperti di negara China iaitu Alibaba, Baidu dan Tencent yang berkembang pesat dan terkenal di peringkat global perlu dicontohi kerana kepimpinan yang cekap dan bijak dalam pengurusan (Sahid et al., 2021; Su & Flew, 2020; Yun et al., 2020). Manakala, karakter kepimpinan itu juga dapat dilihat pada individu yang memegang gelaran profesional yang digelar pemimpin. Sebagai contoh pemimpin-pemimpin politik di peringkat global seperti Donald Trump, Lee Hsein Loong, Boris Johnson, Justin Trudeau dan banyak lagi mempunyai keterampilan tersendiri dalam pengucapan sehingga menjadi figura yang berpengaruh di peringkat dunia (Johnson & Williams, 2020; Liu et al., 2023; Setyaningsih et al., 2023).

Oleh itu, perwatakan dan sifat perlu mencerminkan sebuah etika yang positif yang pasti menjadi rujukan oleh masyarakat sekeliling (Kulkarni & Mishra, 2022; Mai et al., 2022; Piwowar-Sulej & Iqbal, 2023; Prati et al., 2009). Panduan itu sendiri menjadikan seseorang itu mempunyai pengaruh sehingga mampu menggoncang dunia. Ini yang disebut sebagai pemimpin kelas dunia. Maka, konsep “merujuk” kepada sesuatu perkara merupakan sebuah ikutan dalam proses kehidupan manusia. Walau bagaimanapun, konteks kepimpinan

daripada seorang pemimpin tidak akan berlaku tanpa merujuk. Posisi tersebut tetap perlu merujuk pada perkara yang menjadi peringatan dan panduan buat mereka dalam melaksanakan sesuatu perkara (Guzmán et al., 2020; Shahbal et al., 2022). Konsep ini mempunyai persamaan dengan buah buton yang terdapat di Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan, Malaysia.

Buah buton merupakan ukiran kayu tiga dimensi yang diukir pada bahagian bawah sebatang kayu dalam kondisi tergantung dalam ruangan atau bahagian luar rumah tradisional Negeri Sembilan (Ismail et al., 2021; Maamor, 2020; Maamor, 2023; Maamor et al., 2023) (Rajah 1). Rekaan subjek tersebut pula bersifat bulat ataupun bersegi. Perkara ini disokong



Rajah 1. Buah buton yang diukir pada bahagian bawah sebatang tiang dan diaplikasikan dalam keadaan tergantung (Maamor, 2023)

oleh Maamor et al. (2023) yang menyebut bahawa buah buton ini juga diaplikasikan dalam keadaan tergantung dengan variasi rekaan. Ini menunjukkan bahawa tiada penetapan terhadap rekaan dan ia bersifat bebas. Walau bagaimanapun, kebebasan dalam penghasilan buah buton itu masih mempunyai peraturan bagi menjaga kualitinya yang bersandarkan pada falsafah dan makna di sebalik rekaan dan kedudukan. Tambahan pula, subjek tersebut dikaitkan dengan simbolisme dalam kalangan pemimpin Adat Perpatih dan bangsawan. Ini menunjukkan bahawa buah buton mempunyai kaitan perlambangan terhadap kelompok tertentu yang bersandarkan pada falsafah dan permaknaan di sebalik rekaan.

Adat Perpatih terhasil daripada cara berfikir perantau Minangkabau dari Sumatera Barat, Indonesia yang berasimilasi dengan adat masyarakat asal di Negeri Sembilan (Herwanis et al., 2021; Saludin et al., 2020; Saludin et al., 2021). Konsep gabungan ini berpandukan kepada konteks alam dalam memberi inspirasi terhadap perkara yang perlu dilaksanakan dalam adat itu sendiri. Malah, karakter si pemimpin itu juga turut terinspirasi daripada sifat alam yang bertindak sebagai pengajaran kepada pemimpin (Bond et al., 2022). Sebagai contoh “bagai resmi padi, makin berisi, makin tunduk,” yang bermaksud apabila memegang tampuk kepimpinan atau berada dalam kedudukan teratas, jangan pernah sesekali mendabik dada atau bongkak dengan keadaan yang dimiliki. Sebaliknya perlu bersama dan mendekati masyarakat dalam menyuarakan suara

mereka. Selain itu, konteks alam banyak membentuk pemikiran di luar kotak atau kreatif oleh pengamal adat tersebut terhadap menyatakan sesuatu perkara berkaitan dengan Adat Perpatih. Sebagai contoh teromba berikut:

*Penakik pisau seraut,
Ambil galah batang litabung,
Seludang dijadikan niru,
Setitik dijadikan laut,
Segumpal dijadikan gunung,
Alam terkembang dijadikan guru.*

Teromba membawa pengertian terhadap konteks ilmu yang luas dan pelbagai dengan menjadikan alam sebagai bahan atau inspirasi dalam menyampaikan tujuan di sebalik maksud tersirat. Kepandaian dan kekuatan dalam berfikir merupakan perkara yang menjadi kemestian dalam kalangan pemimpin Adat Perpatih untuk memastikan kebajikan dan keadilan masyarakat sekeliling terjaga (Saludin et al., 2021). Ini menunjukkan bahawa konteks alam dan Adat Perpatih saling berkaitan antara satu sama lain. Tidak terkecuali rumah tradisional di Negeri Sembilan juga mempunyai pengaruh daripada Adat Perpatih (Maamor et al., 2022). Ini jelas dinyatakan bahawa setiap pengaplikasian pada rumah tradisional di negeri ini mempunyai susunan sistematik berdasarkan adat tradisi tersebut.

Ukiran buah buton yang tergantung pada ruangan tertentu rumah tradisional Negeri Sembilan terhasil berdasarkan tiga perkara: (1) kedudukan buah buton hanya dimiliki oleh pihak-pihak tertentu, (2) buah buton mempunyai kaitan dengan Adat

Perpatih, dan (3) buah buton terbentuk daripada konteks alam. Maka, buah buton ini boleh diklasifikasikan sebagai subjek yang berfungsi sebagai bahan rujukan atau erti kata lain “buku teks” buat pemiliknya. Semestinya, rujukan ini bersangkut paut dengan konteks alam sebagai permulaan terhadap ekspresi diri kepada Adat Perpatih. Perkara ini juga ditampilkan oleh pemimpin adat dengan karakter yang positif dan menjadi ikutan buat masyarakat sekeliling. Oleh itu, bagi memperincikan setiap kaitan tersebut, artikel menganalisis hubungan kait konteks alam dengan masyarakat Adat Perpatih yang diinterpretasikan dalam ukiran tiga dimensi buah buton. Selain turut menghuraikan berkenaan konteks alam dalam kehidupan masyarakat Adat Perpatih yang melibatkan hubungan antara manusia dengan alam dalam Adat Perpatih, permuafakatan dalam politik masyarakat adat tersebut serta pengaruh adat dalam rumah tradisional Negeri Sembilan.

KAJIAN LITERATUR

Konteks Alam dalam Kehidupan Masyarakat Adat Perpatih

Kebudayaan masyarakat Adat Perpatih terserlah dengan keunikannya yang menjadikan alam sebagai rujukan dalam kehidupan seharian mereka. Sebagai contoh kesenian merupakan antara konteks yang sangat rapat dengan masyarakat Adat Perpatih yang turut menjadikan seni binanya dipengaruhi oleh adat ini. Sebagai contoh kedudukan Datuk Penghulu dalam ruang serambi pada rumah tradisional ini adalah berada di hujung serambi (Azman et al.,

2022; Husen & Mohamed, 2021; Maamor, 2023; Maamor et al., 2023; Hassin & Misni, 2021). Berbeza pula keadaannya dengan tengah serambi yang dihaskan untuk menyambut tetamu. Jika dilihat dari sudut adab, telah diajar kepada masyarakat kita tentang memuliakan tetamu. Perkara ini diceritakan dalam surah Az-Zaariyat, ayat 24–26 yang bermaksud:

“Sudahkah sampai kepadamu (Muhammad) cerita tetamu Ibrahim (malaikat-malaikat) yang dimuliakan? (Ingatlah) ketika mereka masuk ke tempatnya lalu mengucapkan: ‘Salam sejahtera kepadamu,’ Ibrahim menjawab: ‘Salam sejahtera kepada kamu.’ (Sambil berkata dalam hati): ‘Mereka ini orang tidak dikenali.’ Maka diam-diam dia (Ibrahim) pergi menemui keluarganya, kemudian dibawanya daging anak lembu gemuk (yang dibakar).”
(Surah Az-Zaariyat, Ayat 24–26)

Dinyatakan dalam surah tersebut tentang keperibadian Nabi Ibrahim A.S. dalam menyambut tetamu yang tidak dikenalnya dengan menyediakan santapan kepada tetamu sebagai meraikan kedatangan mereka. Begitu juga dengan kehalusan dalam berfikir masyarakat Adat Perpatih dengan menempatkan tetamu yang hadir terus ke ruang yang berdekatan dengan tangga sebagai memudahkan pergerakan tetamu. Jelas menunjukkan adab yang melambangkan perwatakan yang baik dan positif dalam jiwa masyarakat adat

kursusnya di Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan.

Merujuk kepada konteks visual seni bina ini, kedudukan tengah serambi berada berdekatan atau bersebelahan dengan anak tangga. Menurut Maamor (2023) yang menyokong kenyataan Nasir (2016), bahagian anak tangga kebiasaannya mempunyai ukiran motif ayam berlaga. Dari sudut estetik, motif tersebut memperlihatkan gambaran dua ekor ayam jantan yang beradu kekuatan dan tenaga. Dari sudut realiti, sudah menjadi sifat ayam jantan apabila saling bertemu pasti akan berlaga dalam memikat ayam betina untuk proses mengawan. Pengukir telah berimajinasi dengan melihat sifat alam dengan mengetengahkan mesej bahawa perbuatan berlaga disifatkan sebagai berbalah atau bermasam muka merupakan antara perwatakan negatif manusia yang tidak baik dan tidak patut dijadikan ikutan. Jelas menunjukkan bahawa sifat alam dijadikan sebagai mesej dalam kehidupan masyarakat Adat Perpatih bagi mewujudkan keharmonian dalam kekeluargaan dan kemasyarakatan.

Hubungan Manusia dan Alam dalam Adat Perpatih

Mempunyai keperibadian yang baik amat dituntut dalam ajaran Islam. Ia turut diajar dalam Adat Perpatih yang selari dengan adat yang berpandukan Kitabullah. Adat adalah seperti undang-undang yang seumpama kanun peliharaan dalam mewujudkan keperibadian tatasusila masyarakat terhadap bangsa dan nusa yang tertakluk kepada undang-undang alam yang mengalami

perubahan (Saludin & Maulud, 2021). Proses pelaksanaan sesebuah adat merujuk kepada pemerhatian masyarakatnya. Kesesuaiannya dilihat pada sudut pemikiran dan tanggapan terhadap manusia yang bakal mengamalkannya. Menurut Sidek (1975), peraturan adat ini menggambarkan ajaran dan amalan yang ditanggapi oleh masyarakat secara sederhana berkenaan manusia dan dunia yang didiami oleh mereka. Ini disokong oleh Maamor et al. (2023) dan Saludin et al. (2021) bahawa Adat Perpatih berasaskan alam yang bersandarkan al-Quran. Jelas menunjukkan bahawa pada awal pelaksanaan Adat Perpatih sudah menampakkan sifat kesederhanaan tetapi tetap selari dengan tuntutan agama. Seperti dinyatakan dalam Surah al-Baqarah ayat 164 yang bermaksud:

“Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, silih berganti malam dan siang, bahtera yang berlayar di laut membawa apa yang berguna bagi manusia dan apa yang Allah turunkan dari langit berupa air, lalu air itu Dia hidupkan bumi sesudah mati (kering)nya dan Dia sebarkan di dalamnya pelbagai makhluk yang melata, dan peredaran angin dan awan di antara langit dengan bumi, sungguh (terdapat) tanda-tanda (keesaan dan kebesaran Allah) bagi kaum yang memikirkannya.”

(Surah al-Baqarah, Ayat 164)

Surah tersebut menunjukkan kebesaran dan kekuasaan Allah yang menciptakan

bumi dan langit serta semesta alam (Basit et al., 2021; Bsoul et al., 2022; Matracchi & Habibabad, 2022). Penciptaan tersebut turut diselitkan dengan sifat dan perwatakan alam itu sendiri. Sebagai contoh angin dengan sifatnya yang berhembusan dan air yang mengalir. Malah, turut memperlihatkan alam saling berkaitan seperti langit dan bumi yang amat sinonim dengan peribahasa Melayu “bagai langit dengan bumi” yang bermaksud perbezaan yang tersangat jauh. Perkara ini dilihat dari sudut penciptaan Allah yang sempurna dan tiada tandingannya (Ebrahim et al., 2021; Rouzati, 2018). Walau bagaimanapun, sumber-sumber alam yang dicipta oleh-Nya membantu dalam memberikan ilham dan inspirasi kepada manusia demi kelangsungan hidup. Tetapi setiap penciptaan manusia tidaklah menampakkan sifat yang mendabik dada, sebaliknya penuh dengan sifat merendah diri dan berserdhana. Perkara ini seperti dinyatakan dalam Surah al-Isra’ ayat 37 yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu berjalan di muka bumi ini dengan sombong, kerana sesungguhnya kamu sekali-kali tidak dapat menembusi bumi dan sekali-kali kamu tidak akan sampai setinggi gunung.”
(Surah al-Isra’, Ayat 37)

Perilaku yang baik dengan menampilkan keserdhanaan dalam hidup amat ditekankan dalam masyarakat Minangkabau (Zurnetti et al., 2023). Malah, Adat Perpatih yang merupakan fahaman yang dibawa oleh komuniti tersebut ke Negeri Sembilan turut

menerapkan aspek ini dalam kehidupan seharian. Sebagai contoh apabila melibatkan perbincangan secara berkumpulan atau bermusyawarah. Dalam aktiviti sosial tersebut, sudah pasti ia melibatkan ketua-ketua adat dengan anak-anak buah. Walaupun ketua adat mempunyai taraf yang teratas dalam organisasi, keperibadian mereka sebagai pemimpin tidak mendabik dada. Sebaliknya meletakkan diri sebagai orang yang mendengar dan menentukan keputusan hasil daripada perbincangan bersama anak-anak buahnya. Berdasarkan pada perbilangan berikut:

*Yang didahulukan selangkah,
Yang ditinggikan seranting,
Yang dilebihkan serambut,
Yang dimuliakan sekuku.*

Seperti disebut oleh Ibrahim (n.d.), kedudukan antara ketua adat dan anak-anak buah jaraknya terlalu minimum yang hanya sekadar “didahulukan selangkah” dan “ditinggikan seranting” yang merujuk kepada hierarki status mereka. Perkara ni disokong oleh Maamor et al. (2022) yang menyebut tentang kepentingan dan kedudukan seseorang pemimpin yang perlu dihormati. Malah, penentuan sesebuah keputusan oleh ketua adat itu hendaklah berpaksikan kepada kebijaksanaan dan pengalamannya dalam sistem adat matrilineal ini. Perkara ini, selari dengan peribahasa Melayu yang merujuk kepada sifat merendah diri dalam diri pemimpin iaitu “bawalah resmi padi, makin berisi ia tunduk.” Jelas menunjukkan bahawa, elemen alam iaitu sifat tumbuhan “padi” diguna pakai bagi merujuk kepada

perwatakan setiap manusia yang perlu bersederhana dan merendah diri sejajar dengan tuntutan agama Islam. Manusia merupakan makhluk ciptaan Allah dan sama di sisi-Nya. Seperti diungkap oleh Maamor (2023) dan Saludin et al. (2021) yang menyokong kenyataan Navis (1984), setiap manusia di muka bumi ini mempunyai status yang sama dan ia selari dengan pituah masyarakat Minangkabau iaitu *tagak sama tinggi, duduk samo rendah* (tegak sama tinggi, duduk sama rendah).

Permuafakatan dalam Politik Masyarakat Adat Perpatih


Permuafakatan atau mencapai kesepakatan sekali lagi ditekankan sebagai kunci utama untuk mencapai kesaksamaan dan kebersamaan dalam masyarakat Adat Perpatih (Sahid, 2018; Saludin et al., 2020; Saludin et al., 2021). Ini menunjukkan sistem politik masyarakat berasaskan demokrasi, iaitu pemimpin dipilih oleh rakyat. Putaran kedudukan dalam tradisi ini ditentukan oleh konsensus yang dipilih dalam kalangan lelaki. Selain itu, pemilihan pemimpin juga berdasarkan kelayakan dan pertalian persaudaraan mereka, khususnya putaran perut.

Tambahan pula, adalah penting bagi pemimpin tradisional untuk sentiasa mengutamakan kebajikan anak buahnya. Sebagai contoh, mereka terlibat secara aktif dalam proses membuat keputusan dan mempunyai kata putus dalam hal-hal berkaitan persaudaraan. Sememangnya menjadi kewajipan pemimpin untuk memastikan perpaduan dalam kumpulan

yang diselainya. Pemimpin adat mesti menunjukkan tingkah laku dan perwatakan yang dapat dicontohi di hadapan anak-anak buahnya (Pratidina et al., 2019). Ada pepatah terkenal yang menjurus kepada konteks pemimpin, iaitu “berbuat baik agar sepadan, berbuat buruk sesekali jangan.” Pepatah itu membayangkan bahawa pemimpin harus mengelak daripada terlibat dalam tindakan yang dianggap menjijikkan atau tidak disukai oleh orang lain, dan sebaliknya berusaha menunjukkan contoh kepada orang bawahan mereka. Dengan mengamalkan pemikiran ini, pengikut akan mendapat inspirasi untuk mencontohi kualiti positif pemimpin mereka. Oleh itu, terbukti bahawa mempamerkan kualiti yang baik dan menjadi contoh teladan adalah penting bagi pemimpin, tanpa mengira kedudukan atau status mereka.

Pengaruh Adat Perpatih dalam Rumah Tradisional Negeri Sembilan

Rumah bumbung panjang yang melentik sangat sinonim dengan rumah tradisional yang dibina di Negeri Sembilan. Di sebalik keunikan reka bentuk itu, terdapat makna tersembunyi yang diletakkan dalam parameter pembinaannya. Reka bentuknya menunjukkan kedudukan sosial-politik yang telah mempengaruhi susunan ruang di dalam rumah. Susunannya termasuklah serambi dan rumah ibu (Rajah 2). Pada masa sama, kedua-dua ruang tersebut mempunyai buah buton yang tergantung dan menghiasi ruang-ruang tersebut. Penghasilan dan perletakan buah buton merupakan simbol dan status yang signifikan bagi kesukuan Adat Perpatih (Ismail et al., 2023; Ismail et al., 2021).



Rajah 2. Lakaran menunjukkan pembahagian serambi dan rumah ibu yang terdapat pada rumah tradisional Negeri Sembilan (Latif & Kosman, 2017)

Serambi ialah ruang yang secara tradisinya berfungsi sebagai tempat pertemuan pemimpin dan orang bawahannya. Ia juga digunakan untuk menyambut tetamu, mengadakan upacara, dan meraikan pengantin baru. Suatu ketika dahulu bahagian ini mempunyai kepentingan dalam masyarakat Adat Papatih yang melambangkan status seseorang. Serambi dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu pangkal, tengah dan hujung. Pangkal serambi yang terletak berhampiran pintu masuk rumah dihiasi dengan kain tabir lelangit bagi menghormati kehadiran pemimpin adat semasa sesi rundingan dan perbincangan. Di sini jugalah pemimpin adat dan anak-anak buah berkumpul untuk membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan adat dan masyarakat mereka. Manakala, tengah serambi berfungsi sebagai ruang menyambut tetamu, yang dijemput untuk duduk dan menunggu tuan rumah melayani mereka. Konsep ini mencerminkan nilai layanan terhadap tetamu. Berbeza dengan hujung serambi yang dikhaskan untuk

Penghulu Luak atau Ulama, dan ia menjadi tempat untuk anak-anak buah berbincang akan hal-hal berkaitan adat dan agama, serta melaporkan apa-apa isu berkaitan kemasyarakatan. Kedudukan hujung serambi juga sebagai asas menandakan sikap hormat para pemimpin, yang telah dilantik dengan persetujuan anak-anak buah.

Rumah ibu merupakan bahagian yang didominasi oleh kaum wanita (Abidin et al., 2019; Azman et al., 2022; Hassin & Misni, 2019; Ismail et al., 2021; Ismail et al., 2023; Maamor, 2023). Kedudukan rumah ibu bersebelahan dengan serambi dan lebih tinggi sedikit daripada ruang serambi. Kedudukan ini menunjukkan penghormatan diberikan kepada wanita dalam rumah. Ruang tersebut membolehkan lelaki yang hanya mempunyai hubungan rapat dengan pihak perempuan sahaja untuk masuk ke dalam rumah. Dalam konteks Adat Perpatih, ibu, terutamanya Ibu Soko, akan duduk di tiang seri rumah ibu apabila upacara berkedim dijalankan di dalam rumah. Ia menunjukkan taraf Ibu Soko adalah tinggi dan perlu dihormati sepanjang masa.

METODOLOGI

Kaedah kajian lapangan dan temu bual diguna pakai bagi memperoleh dapatan yang tulen.

Kajian Lapangan

Penyelidikan ini menyasarkan empat buah rumah tradisional yang mempunyai buah buton sekitar Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan. Rumah-rumah tersebut ialah (1) Rumah Dato' Muar Bongkok

(Rajah 3–5), (2) Rumah Sali (Rajah 6–8), (3) Rumah Ibah (Rajah 9–11), dan (4) Rumah Ramlah (Rajah 12–14). Setiap rumah ini dinamakan dengan nama pemilik atau penghuni bagi memudahkan proses analisis dan penerangan. Manakala, pemilihan setiap rumah-rumah tersebut dipilih atas sebab (1) reka bentuk buah buton yang masih jelas dan kukuh, (2) sejarah pemilik atau penghuni jelas dan lengkap, dan (3) mewakili kedudukan atau pangkat dalam Adat Perpatih. Manakala, analisis yang dibuat terhadap setiap buah buton berpandukan pada teori Koler (2007) yang bertajuk

“Three-Dimensional Visual Analysis.” Perkara ini melibatkan ciri-ciri yang ada pada buah buton dengan melihat persamaan dan perbezaan dari sudut seni visual yang mempengaruhi konsep kepimpinan dalam masyarakat Adat Perpatih. Berikut merupakan buah buton yang terdapat pada rumah-rumah terpilih bagi tujuan analisis lakaran yang berpandukan pada reka bentuk dan kedudukan subjek tersebut:


- (1) Rumah Dato’ Muar Bongkok
- (2) Rumah Sali
- (3) Rumah Ibah
- (4) Rumah Ramlah




Rajah 3. Rumah Dato Muar Bongkok (Foto: Fakhur Razi Maamor)



(a)



Rajah 5. Lakaran menunjukkan kedudukan buah buton yang tergantung di hujung serambi rumah tersebut (kiri) dan keadaan buah buton yang tergantung dari permukaan antara kiri dan kanan sebatang tiang (kanan) (Foto & Ilustrasi: Fakhur Razi Maamor)



(b)


Rajah 4. (a) Dua buah buton yang terdapat pada rumah Dato’ Muar Bongkok; dan (b) lakaran analisis buah buton (bawah) (Foto & Ilustrasi: Fakhur Razi Maamor)




Rajah 6. Rumah Sali
(Foto: Fakhur Razi Maamor)



Rajah 9. Rumah Ibah
(Foto: Fakhur Razi Maamor)




Rajah 7. Hanya satu buah buton yang terdapat pada rumah Sali (kiri), manakala lakaran merupakan analisis buah buton (kanan)
(Foto & Ilustrasi: Fakhur Razi Maamor)



Rajah 8. Lakaran menunjukkan kedudukan buah buton pada rumah Sali yang tergantung di bahagian luar pangkal serambi (kiri) dan keadaan buah buton tersebut yang tergantung dari permukaan tanah (kanan)
(Foto & Ilustrasi: Fakhur Razi Maamor)




(a)



(b)

Rajah 10. (a) Terdapat tiga buah buton yang terdapat pada rumah Ibah, dan (b) lakaran yang menunjukkan analisis setiap buah buton
(Foto & Ilustrasi: Fakhur Razi Maamor)




Rajah 11. Kedudukan buah buton yang diaplikasikan dalam ruangan rumah ibu (kiri) dan salah satu buah buton yang tergantung dari permukaan lantai rumah (kanan)
(Foto & Ilustrasi: Fakhur Razi Maamor)



(a)




Rajah 12. Rumah Ramlah
(Foto: Fakhur Razi Maamor)



(b)

Rajah 13. (a) Terdapat dua buah buton pada rumah Ramlah, dan (b) lakaran yang menunjukkan analisis kedua-dua buah buton tersebut
(Foto & Ilustrasi: Fakhur Razi Maamor)



Rajah 14. Kedudukan buah buton yang berada di bahagian rumah tangga (kiri) dan kedudukan buah buton yang tergantung dari permukaan tanah (kanan)
(Foto & Ilustrasi: Fakhur Razi Maamor)

Temu bual

Temu bual ini menyasarkan tiga kategori yang melibatkan empat responden: (1) pengamal Adat Perpatih, (2) penyelidik adat dan budaya, dan (3) penduduk tempatan seperti dinyatakan oleh Maamor (2023). Malah, pemilihan setiap responden bagi kategori-kategori tersebut berpandukan kepada kepakaran dan pengetahuan mereka tentang hubung kait konteks alam dengan Adat Perpatih. Setiap responden yang terpilih telah melalui tapisan yang melibatkan jawapan yang tulen dan kuat serta menyokong kaitan buah buton dengan kepimpinan dalam Adat Perpatih. Ini juga selari dengan ciri-ciri yang terdapat dalam penyelidikan sejarah yang berkonsepkan naratif. Oleh itu, hanya empat responden yang tersenarai berdasarkan kriteria yang dijalankan melalui penyelidikan ini berdasarkan kepada penulisan seperti dinyatakan oleh Maamor (2023):

“Empat responden yang dipilih mampu menghuraikan keseluruhan jawapan mengenai Adat Perpatih dan buah buton kerana kepakaran yang pelbagai, penyediaan perspektif yang unik, menjangkakan sumbangan penting untuk memahami adat resam dan ketersediaan serta kesudian untuk mengambil bahagian dalam penyelidikan” (Maamor, 2023).

Perkara ini diperkukuhkan lagi oleh Garnaut dan Gold (2021):

“Through oral history, the stories of people with wide-ranging

experiences and from diverse and sometimes marginalized or oppressed backgrounds are recorded using their own voices, allowing us to hear interviewees’ interpretation of the stories that they tell. Consequently, the voice of an interviewee offers researchers a unique source” (Garnaut & Gold, 2021).

Kenyataan tersebut disokong oleh Vogt dan Blaabichler (2021), Bertram et al. (2017) dan Young et al. (2017). Manakala, nama setiap responden diketengahkan bagi memudahkan perbandingan dan perbezaan respons yang diberikan. Oleh itu, soalan yang diajukan berdasarkan ilmu dan fahaman yang mereka miliki. Jadual 1 merupakan senarai responden yang terlibat berdasarkan kategori serta respons mereka.

DAPATAN DAN PEMBINCANGAN

Secara keseluruhan, setiap buah buton dalam artikel ini tidak terikat rekaannya. Terdapat tiga lapisan yang sama dari segi susunan: (1) dominan, (2) subdominan, dan (3) subordinat; yang menentukan saiz elemen reka bentuk (Rajah 15) selaras dengan teori Koler (2007). Pembahagian lapisan yang serupa juga dilihat pada setiap reka bentuk buah buton, iaitu subdominan diaplikasikan di bahagian atas, dominan di bahagian tengah dan subordinat di bahagian bawah. Susunannya memberikan reka bentuk rupa buah yang tergantung dengan bentuk sedikit melengkung atau kuncup di bahagian bawah. Jelas menunjukkan

Jadual 1

Senarai responden dan respons

Kategori	Responden	Status	Jantina dan Umur	Respons
Pengamal Adat Perpatih	Ahmad Awaludin	Dato Raja Dimuda Lembaga Luak Terachi Suku Biduando	Lelaki 70 Tahun	<ul style="list-style-type: none"> i. Alam mempengaruhi sistem Adat Perpatih. ii. Falsafah “alam berkembang jadi guru” merupakan rujukan utama yang menunjukkan adat ini berdiri teguh. iii. Alam merupakan metafora kepada kehidupan dan perwatakan pemimpin dan masyarakat Adat Perpatih.
	Ricky Syahrul	Tengku Panji Alam Tapak Kaki Tiang Lembaga Daulat Yang Dipertuan Sati	Lelaki 55 Tahun	<ul style="list-style-type: none"> i. Alam merupakan permulaan terhadap perkembangan akal kepada sebuah ilmu. ii. Ilmu membentuk sebuah fahaman terhadap sistem perundangan yang teratur dan berkeadilan. iii. Melalui konteks akal ini menjadikan buah buton sebagai sebuah subjek yang berkepentingan terhadap sistem adat. iv. Malah, akal ini melambangkan kekuatan berfikir pemimpin adat serta kelompok masyarakat yang lain seperti cerdik pandai dan ulama.
Penyelidik Adat dan Budaya	Mohd Rosli Saludin	Bekas Felo Penyelidik Kanan, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia & Tokoh Warisan Kebangsaan Kategori Orang Hidup	Lelaki 64 tahun	<ul style="list-style-type: none"> i. Buah buton merupakan sebuah interpretasi terhadap kehidupan masyarakat Adat Perpatih. ii. Diibaratkan buah buton seperti sebuah pusat dalam mengingati setiap aspek dalam melancarkan perjalanan dalam sistem adat itu sendiri. iii. Berbicarakan soal perjalanan sistem adat, rumah pemimpin adat atau golongan berpengaruh menjadi tempat perbincangan. iv. Oleh itu, buah buton hanya ditemui pada rumah-rumah milik golongan tersebut. v. Ini kerana golongan ini merupakan pihak yang akan dijadikan sebagai tempat rujukan dan mendapatkan pandangan. vi. Oleh itu, seorang pemimpin perlu mempunyai ilmu dan perwatakan yang positif yang menggambarkan keperibadian yang adil dan saksama. vii. Erti kata lain, buah buton terbina bersandarkan kepada tungku tiga sejarangan iaitu hubungan manusia dengan Allah, hubungan manusia dengan manusia, dan hubungan manusia dengan alam. viii. Setiap hubungan itu menunjukkan batas-batas yang perlu dipandang serius oleh setiap pemimpin.


Jadual 1 (sambungan)

Kategori	Responden	Status	Jantina dan Umur	Respons
Penduduk Tempatan	Abdul Syukor Daud	Pengamal Adat Suku Tanah Datar Lingkungan Adat	Lelaki 71 Tahun	i. Buah buton sebagai simbol kedudukan seseorang. ii. Kebiasaannya, pemilik yang mempunyai buah buton ini mempunyai pengaruh dalam adat ataupun istana. iii. Oleh itu, buah buton hanya dimiliki oleh golongan pemimpin. iv. Ini dijabatkan seolah-olah buah buton ialah kurnia daripada raja buat pemiliknya. v. Penghasilan buah buton pula berpandukan alam. vi. Alam itu luas dan mempunyai ilmu dalamnya. vii. Ilmu yang mendalam dan kuat perlu dimiliki oleh golongan pemimpin demi menyatupadukan masyarakat sekeliling.

bahawa pendekatan yang dibawa oleh Koler (2007) bukan sekadar mengetengahkan sifat tiga dimensi sesebuah rekaan. Malah, membantu dalam mengenal pasti rekaan tersebut ke arah sebuah permaknaan. Penyelidikan ini juga menunjukkan bahawa Koler (2007) membantu dalam mewujudkan persempadanan antara setiap ciri-ciri yang terdapat pada buah buton.

Melalui persempadanan antara tiga pecahan seperti yang dinyatakan dalam Rajah 15, perkara tersebut selari dengan perspektif responden Abdul Sukor Daud dan Mohd Rosli Saludin (Jadual 1) yang membincangkan hal berkaitan aspek tauhid, fiqh dan usul ataupun hubungan manusia dengan Tuhan, hubungan manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan alam. Ketiga-tiga lapisan konteks ini saling berkaitan dan mempunyai kepentingan dalam kehidupan manusia. Ini menunjukkan bahawa sistem Adat Perpatih terdiri daripada

tiga komponen: (1) adat, (2) adab, dan (3) muafakat yang menyumbang kepada pembentukan individu berakhlak mulia yang mengamalkan Adat Perpatih berdasarkan kenyataan kedua-dua responden tadi. Manakala, Ricky Syahrul (Jadual 1) juga menyebut bahawa budi dikembangkan



Rajah 15. Lakaran menunjukkan pembahagian tiga lapisan yang melibatkan dominan, subdominan dan subordinat yang terdapat pada setiap rekaan buah buton di Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan

melalui akal manusia. Ukiran tiga dimensi yang terdapat di rumah Negeri Sembilan melambangkan kepimpinan adat. Secara keseluruhan, tiga lapisan reka bentuk pada buah buton disambungkan dengan konteks adat itu sendiri, menjadi *peringatan* dan *panduan* kepada masyarakat untuk menegakkan dan mengatur adat mereka. Ini bersamaan dengan kenyataan oleh Maamor (2023) dan Saludin et al. (2020). Ini antara perkara yang diterapkan pada buah buton dengan terbentuknya estetika subjek tersebut berdasarkan konteks akal manusia yang mendokong sebuah falsafah.

Oleh sebab falsafah dan estetika ini, buah buton yang terdapat pada rumah-rumah tradisional di Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan banyak diaplikasikan pada kediaman yang dihuni oleh pemimpin adat, golongan bangsawan atau mereka yang bergelar. Kedudukan buah buton itu pula adalah spesifik, iaitu berkaitan dengan pemimpin adat itu sendiri (Maamor, 2023, Maamor et al., 2022, & Maamor et al., 2023). Malah, terdapat juga buah buton yang dipamerkan bertujuan meraikan tetamu. Contohnya, di rumah Ramlah, kedua-dua buah buton ini tergantung di bahagian sisi rumah tangga. Kedudukannya pula benar-benar mendampingi rumah tangga tersebut yang menggambarkan *kedatangan tetamu adalah diraikan*. Walaupun pemilik asalnya merupakan seorang yang berpengaruh, posisi buah buton ini menunjukkan dirinya tidak sombong dan mementingkan diri. Hal ini adalah kerana fungsi buah buton itu sendiri bertindak sebagai peringatan dalam menjaga hubungan sesama manusia.

Perkara ini turut terkandung dalam falsafah tungku tiga sejarangan yang salah satunya memberikan penekanan dalam menjaga hubungan sesama manusia (Saludin, 2021). Malah, ia melambangkan konsep budi yang bertindak menjaga kesopanan dan merendah diri walaupun untuk seorang yang bergelar. Seperti yang dinyatakan dalam teromba di bawah:

*Nan kurik kundi
Nan merah saga
Nan baik budi
Nan indah bahasa*

*Dek ribut rebahlah padi
Dicupak Dato' Temenggung
Hidup kok tidak berbudi
Duduk tegak berdiri canggung*

*Berbelok berpilin-pilin
Bertunggek batang keladi
Rupa elok kami tak ingin
Budi baik nan kami cari*

*Kok melempar budi
Biarlah kekal dikenang orang
Kok rumahnya nan gadang
Biarlah selanjang kuda berlari*

Penggunaan elemen alam sekali lagi diketengahkan yang bertujuan menyampaikan makna di sebalik kehidupan masyarakat. Contohnya, elemen padi banyak diguna pakai untuk merujuk kepada keperibadian seseorang itu. Contoh peribahasa yang dapat dikaitkan ialah “bagai resmi padi, makin berisi ia tunduk” yang bermaksud kedudukan seseorang itu tidak boleh bermegah dan sombong sebaliknya

beliau harus menjadi seorang yang merendah diri dan sopan dalam melayani masyarakat sekeliling. Begitulah yang digambarkan pada buah buton yang terdapat pada rumah Ramlah. Buah buton yang tergantung dari permukaan tanah menunjukkan perwatakan pemiliknya sebagai seorang yang *merendah diri atau down to earth*.

Begitu juga dengan buah buton yang terdapat pada rumah Dato' Muar Bongkok yang juga tergantung dari permukaan tanah. Kedudukan subjek tersebut juga jelas menunjukkan bahawa penghuni atau pemiliknya merupakan seorang Penghulu luak. Memandangkan buah buton rumah ini tergantung di hujung serambi, ia menunjukkan sebuah perlambangan yang jelas dalam menyampaikan maksud bahawa pemiliknya seorang yang berpengaruh. Pengaruh tersebut juga digambarkan dengan sebatang tiang yang berada di antara dua buah buton itu sebagai simbolik kepada pemimpin tersebut. Manakala buah buton yang berada di kiri dan kanannya pula adalah sebagai peringatan kepada pemimpin tersebut untuk berlaku adil. Begitu juga digambarkan pada buah buton yang tergantung pada bahagian luar rumah Sali. Perkara ini menunjukkan bahawa kedudukan Lembaga bersama anak-anak buah bagi membincangkan perkara yang berkaitan adat dan sebagainya. Jelas menunjukkan bahawa kepentingan seorang ketua suku adalah untuk anak-anak buahnya. Sekali lagi kenyataan Maamor (2023) dan Saludin et al. (2020) turut menghuraikan tentang keperibadian seorang pemimpin itu adalah demi anak-anak buahnya.

Sementara itu, seperti yang sedia maklum, dalam analisis ini, rumah Ibah mempunyai tiga buah buton yang dinamakan Ibah. Hanya Ibah 2 sahaja yang tidak tergantung selari dengan tiang rumah tersebut, manakala dua yang lain tergantung selari dengan tiang yang menjadi struktur dalam menaikkan lantai rumah tersebut. Kedua-dua buah buton ini (Ibah 1 dan Ibah 3) mempunyai rekaan yang biasa dan tidak terlalu dramatik. Hal ini berbeza dengan Ibah 2 yang mempunyai ukiran motif berbunga atau kelihatan lebih feminis. Perbezaan yang ketara ini menunjukkan bahawa Ibah 2 mempunyai keistimewaan dalam penyampaian makna terhadap status seorang pemimpin yang mempunyai pengaruh kuat. Ini menunjukkan pemilik asal rumah ini merupakan seorang Ibu Soko. Perincian yang dibuat dengan mengambil kira pandangan waris, respons responden dan analisis visual yang dijalankan mengukuhkan kenyataan bahawa Ibah 2 merujuk kepada status Ibu Soko. Manakala kiri dan kanan subjek tersebut pula ialah simbol kepada Lembaga dan Buapak. Dalam pemilihan atau pelantikan seorang pemimpin, Ibu Soko mempunyai kuasa dan hak memilih siapa yang layak menyandang jawatan Lembaga dan Buapak (Maamor et al., 2022, Saludin et al., 2020; Saludin et al., 2021). Malah, kedudukan Ibu Soko juga menjadi penentu dalam sesuatu keputusan yang melibatkan hal-hal berkaitan keramaian, upacara ataupun sebagainya. Perkara ini menunjukkan keistimewaan Ibu Soko disimbolkan pada Ibah 2 yang diukir dengan motif bunga yang merujuk kepada

seorang wanita. Ini berbeza dengan dua buah buton yang lain.

Berdasarkan kepada perlambangan pemimpin dan golongan bangsawan ini menunjukkan secara terperinci bahawa buah buton bukan dimiliki oleh orang sembarangan. Ia jelas menunjukkan bahawa simbolik ini bukan untuk menjadikan subjek tersebut sebagai ruang dalam menunjuk-nunjuk. Sebaliknya, digunakan sebagai peringatan dalam mengenal diri demi orang sekeliling. Perkara ini jelas diterangkan dalam surah At-Taubah ayat 128 dan 129 yang bermaksud:

“Sesungguhnya telah datang kepadamu seorang rasul daripada kaummu sendiri, berat terasa olehnya penderitaanmu, sangat menginginkan (keimanan dan keselamatan) bagimu dan amat belas kasihan lagi penyayang terhadap orang mukmin. Jika mereka berpaling (daripada keimanan), maka katakanlah: ‘Cukuplah Allah bagiku; tidak ada Tuhan selain Dia. Hanya kepada-Nya aku bertawakal dan Dia adalah Tuhan yang memiliki Arasy (singgahsana) ang agung.’”
(Surah At-Taubah, Ayat 128 & 129)

Penjelasan ayat Surah At-Taubah tersebut menunjukkan bahawa tiada yang paling agung berbanding Allah Maha Besar. Kedudukan seorang pemimpin itu hanya sekadar penggerak dalam organisasi. Namun, kedudukan itu akan tercalar sekiranya tidak dijaga. Ia adalah kepentingan perlambangan

dalam kalangan pemimpin dalam menjaga martabat mereka seperti termaktub dalam al-Quran. Hal ini dinyatakan dalam buku “Tambo Adat dan Limbago: Transliterasi dan Perbincangan” oleh Pramono (2020) seperti dinyatakan dalam petikan berikut:

“Artinya bahawa sesungguhnya Rasulullah shalallah alaihi wasallam berkata ia “adapun martabat yang tiada suni daripada segala manusia atau daripada cucu Adam dua martabat. Ketahui olehmu bahawa sesungguhnya penghulu dan sultan wajiblah atas keduanya mengetahui martabat itu. Bermula martabat anak cucu Adam dua martabat; satu, martabat pada adat, kedua martabat pada syarak. Bahwa sesungguhnya keduanya itu diperoleh daripada Nabi Muhammad mustafa shalallah alaihi wasallam oleh dia sahabat yang berempat; pertama Abu Bakar, kedua Umar, ketiga Usman, keempat Ali, yang berempat itulah yang beroleh warisnya daripada Nabi. Maka turunlah kepada raja-raja dalam negeri Makkah, maka diwarisi pula oleh segala penghulu empat pegawai dalam negeri Makkah tanah besar, maka dipindahkan pula ke darat ke tanah Aceh, itupunlah masyhur di tanah Aceh.”

Petikan tersebut menceritakan tentang keturunan pemimpin yang mempunyai martabat. Kemudiannya, kedudukan

pemimpin itu berkembang sehingga terpelihara disebabkan kepimpinan yang bertauladan dan menjadi mesra dalam kalangan masyarakat. Malah, teromba juga telah menyatakan sifat pemimpin itu secara konsisten dalam perlakuan seharian. Malah, diri pemimpin itu sendiri pasti tidak akan dapat lari daripada mulut-mulut yang mengata. Ada juga yang dijadikan bahan mengumpat atau difitnah demi kepentingan sesetengah golongan. Berikut teromba yang dimaksudkan:

*Kekanan jalan ke Kurai
 Satu simpang ke Empat Angkat
 Kalau benar Penghulu bagaikan lantai
 Kalau berpijak jangan menjongkek
 Teluk biasa timbunan kapal
 Lurah biasa timbunan air
 Bukit biasa timbunan kabut
 Pemimpin biasa timbunan kabut
 Pemimpin biasa mendapat umpat.*

*Gunting dari Empat Angkat
 Dibawa orang dari Mandiangin
 Dipinjam orang ke Biara
 Kalau datang persoalan dan umpat
 Anggaplah sebagai penawar
 Demikianlah pemimpin yang sebenar*

Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa rekaan dan kedudukan buah buton pada rumah tradisional di Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan, selaras dengan sistem Adat Perpatih yang dihormati yang menjadi prinsip panduan kepada pemimpin adat. Perkara ini juga menunjukkan bahawa buah buton bukan sekadar menjadi perlambangan, sebaliknya menunjukkan keperibadian

pemilikinya. Pemerhatian ini juga dibuktikan melalui temu bual dan analisis visual serta sosiobudaya dalam kemasyarakatan adat tersebut yang mendedahkan korelasi yang harmoni antara buah buton dengan individu yang bergelar dalam Adat Perpatih. Gambaran ini menandakan buah buton sebagai simbolik yang bertujuan menjadi peringatan berterusan kepada pemiliknya.

KESIMPULAN

Buah buton merupakan sebuah subjek seni tradisi yang mempunyai hubungan kait dengan kehidupan masyarakat Adat Perpatih. Ini juga menunjukkan bahawa penghasilan buah buton tidak termaktub pada kreativiti semata-mata. Sebaliknya, berpandukan kepada falsafah yang mencakupi keperibadian hidup seharian. Dalam erti kata lain, falsafah adat yang menjadikan alam sebagai sumber inspirasi membawa sebuah makna terhadap perilaku positif dalam kehidupan seharian masyarakat Adat Perpatih. Maka, buah buton bukan sekadar menjadi dekorasi dalam ruang ataupun luar rumah. Tetapi bertindak sebagai peringatan kepada pemiliknya terutama mereka yang memegang jawatan sebagai pemimpin adat mahupun golongan bangsawan. Falsafah alam pula merupakan adaptasi daripada kehidupan pemimpin adat terutamanya meletakkan konteks ini sebagai membawa kepada sebuah mesej. Ini mampu memberi implikasi kepada keperibadian seseorang yang bukan sekadar melihat semata-mata. Sebaliknya, mampu menembusi hati dan jiwa nurani si pemiliknya dengan bersandarkan kepada akal fikiran yang logik. Oleh itu,

buah buton merupakan suatu subjek yang bersifat maknawi kepada perilaku dan menggalakkan kepada sebuah pemikiran yang positif. Jelas menunjukkan bahawa alam suatu ciptaan yang bukan sekadar menjadi sumber kepada kelangsungan hidup. Sebaliknya, mewujudkan sebuah ilmu yang berlandaskan akal yang kreatif. Maka, artikel mencadangkan agar kajian lanjutan dilakukan terhadap aspek karakter alam yang diinterpretasi daripada kehidupan masyarakat yang merujuk kepada konsep metafora dalam buah buton. Perkara ini dapat dijadikan sebagai rujukan dan panduan buat ramai pihak bagi melihat kesesuaian subjek buah buton sebagai inspirasi dalam seni bina moden pada era globalisasi.

PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh Geran Inovasi PhD (GIP) iaitu geran penyelidikan daripada Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Malaysia, di bawah geran nombor UMG008K-2022. Beberapa data kajian ini diperoleh daripada kajian terdahulu dan semasa yang melibatkan adat di Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan.

RUJUKAN

- Abidin, N. Z., Shahminan, R. N. R., & Ibrahim, F. K. (2019). A preliminary study on the architectural influences of Istana Lama Seri Menanti, Negeri Sembilan. In *IOP Conference Series: Materials Science and Engineering* (Vol. 620, No. 1, p. 012084). <https://doi.org/10.1088/1757-899X/620/1/012084>
- Azman, N. S., Mazlan, I. M., Sujak, I., Mat So'od, N. F., & Wallen, L. (2022). Traditional Malay House in Negeri Sembilan: Cultural influence in design and construction. *Environment-Behaviour Proceedings Journal*, 7(21), 323-332. <https://doi.org/10.21834/ebpj.v7i21.3775>
- Basit, A., Rashid, A., Zahid, A. & Ayub, M. (2021). The creation of moon: Comparative analysis of modern sciences and religious studies. *Islamic Thought and Civilization (JITC)*, 11(2), 328 – 343. <https://doi.org/10.32350/jitc.11.2.18>
- Bertram, C., Wagner, W. & Trautwein, U. (2017). Learning historical thinking with oral history interviews: A cluster randomized controlled intervention study of oral history interviews in history lessons. *American Educational Research Journal*, 54(3), 444- 484. <https://doi.org/10.3102/0002831217694833>
- Bond, A., Pope, J., Saundes, A. M., & Retief, F. (2022). Exploring the relationship between context and effectiveness in impact assessment. *Environmental Impact Assessment Review*, 97, 106901. <https://doi.org/10.1016/j.eiar.2022.106901>
- Bsoul, L., Omer, A., Kucukalic, L. & Archbold, R. H. (2022). Islam's perspective on environmental sustainability: A conceptual analysis. *Social Sciences*, 11(6), 1-11. <https://doi.org/10.3390/socsci11060228>
- Cakir, F. S., & Adiguzel, Z. (2020). Analysis of leader effectiveness in organization and knowledge sharing behavior on employees and organization. *SAGE Open*, 1-14. <https://doi.org/10.1177/2158244020914634>
- Ebrahim, M., Gholami, A., & Yusoff, K. (2021). Al-Ghazali's ma'rifah and mahabbah's relations. *International Journal of Islamic Thought*, 20, 65-76. <https://doi.org/10.24035/ijit.20.2021.211>
- Garnaut, C., & Gold, J. R. (2021). Interrogating voices from the past: Making use of oral testimony in planning historical research. *Planning Perspective*, 36(6), 1297-1304. <https://doi.org/10.1080/02665433.2021.1994180>

- Guzmán, V. E., Muschard, B., Gerolamo, M., Kohl, H., & Rozenfeld, H. (2020). Characteristics and skills of leadership in the context of Industry 4.0. *Procedia Manufacturing*, 43, 543-550. <https://doi.org/10.1016/j.promfg.2020.02.167>
- Hassin, N. S. F. N., & Misni, A. (2019). Assessing the thermal performance of Negeri Sembilan Traditional Malay house towards sustainable practice. *Environment- Behaviour Proceedings Journal*, 4(12), 289-295. <https://doi.org/10.21834/e-bpj.v4i1.2.1914>
- Hassin, N. S. F. N., & Misni, A. (2021). Negeri Sembilan Malay house thermal performance evaluation towards sustainable practice. *Asian Journal of Environment-Behaviour Studies*, 6(19), 43-55. <https://doi.org/10.21834/ajebs.v6i19.392>
- Herwanis, D., Irham, I., & Handrianto, C. (2021). Religious Commitment Inventory-10: On comparison result between Minangkabau nomad traders and Java transmigrants. *KOLOKIUUM: Jurnal Pendidikan Luar Sekolah*, 9(2), 95-101. <https://doi.org/10.24036/kolokium-pls.v9i2.484>
- Husen, N. A., & Mohamed, M. F. (2021). Comparison of green design strategies in five traditional Malay houses. *Jurnal Kejuruteraan*, 33(1), 47-53. [https://doi.org/10.17576/jkukm-2021-33\(1\)-05](https://doi.org/10.17576/jkukm-2021-33(1)-05)
- Ibrahim, N. (n.d.). *Pemimpin dan Kepimpinan dalam Suku Adat Perpatih*. <https://malaycivilization.com.my/omeka/files/original/8d0ec589753686bdb0d5a8daa78f789e.pdf>
- Ismail, N. H., Manaf, A. A., & Zamri, S. (2023). Investigating the visual privacy of house layouts in Negeri Sembilan Traditional Malay houses. *Malaysian Journal of Sustainable Environment*, 10(2), 65-80. <https://doi.org/10.24191/myse.v10i2.23619>
- Ismail, N. H., Surat, M., & Yunus, S. K. (2021). Evolution of architectural heritage through typology of traditional houses in Negeri Sembilan. *International Transaction Journal of Engineering, Management, Applied Sciences & Technologies*, 12(12), 1-9.
- Johnson, C., & Williams, B. (2020). Gender and political leadership in a term of COVID. *Politics and Gender*, 16(4), 1-12. <https://doi.org/10.1017/S1743923X2000029X>
- Koler, C. A. (2007). *Three-dimensional visual analysis*. University College of Arts, Crafts and Design. <http://www.diva-portal.org/smash/get/diva2:1511576/FULLTEXT01.pdf>
- Kulkarni, A., & Mishra, M. (2022). Aspects of women's leadership in the organization: Systematic literature review. *South Asian Journal of Human Resources Management*, 9(1), 9-32. <https://doi.org/10.1177/23220937211056139>
- Latif, S. F. T. A., & Kosman, K. A. (2017). *The Serambi of Negeri Sembilan Traditional Malay House as a Multi fungsional Space-Role in Custom (ADAT)*. *Journal of Design and Built Environment*, 17(2), 37-50. <https://doi.org/10.22452/jdbe.vol17no2.4>
- Liu, L., Mirkovski, K., Lowry, P. B., & Vu, Q. (2023). "Do as I say but not as I do": Influence of political leaders' populist communication styles on public adherence in a crisis using the global case of COVID-19 movement restrictions. *Data and Information Management*, 7(2), 100039. <https://doi.org/10.1016/j.dim.2023.100039>
- Maamor, F. R. (2020). *Buah Buton at Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan: The interrelation of cultural context with Adat Perpatih's community* [Unpublished master's thesis]. Universiti Teknologi MARA.
- Maamor, F. R. (2023). *Buah Buton di Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan: Hubungan kait kosmologi dengan kehidupan masyarakat Adat Perpatih* [Unpublished doctoral dissertation]. Universiti Malaya.
- Maamor, F. R., Kahn, S. M., & Taif, B. (2022). Placement of "Buah Buton" carvings in Luak

- Tanah Mengandung: A symbol of the status held by “Adat Perpatih” leaders and their communities. *Jurnal Pengajian Melayu*, 33(2), 44-62. <https://doi.org/10.22452/JOMAS.vol33no2.3>
- Maamor, F. R., Kahn, S. M., Zahid, I., & Taif, B. (2023). The three-dimensional wood carving of Buah Buton: Influence of leaders as symbols of socio-community formation. *Cogent Social Sciences*, 9(2), 1-20. <https://doi.org/10.1080/23311886.2023.2267740>
- Mai, N. K., Do, T. T., & Phan, N. A. (2022). The impact of leadership traits and organizational learning on business innovation. *Journal of Innovation & Knowledge*, 7(3), 1-9. <https://doi.org/10.1016/j.jik.2022.100204>
- Matracchi, P., & Habibabad, A. S. (2022). Prioritizing the effect of “Light” in the religious places and environments with an emphasis on the sense of spirituality. *Ain Shams Engineering Journal*, 13(1), 1-12. <https://doi.org/10.1016/j.asej.2021.05.028>
- Nasir, A. H. (2016). *Ukiran kayu Melayu tradisi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Navis, A. A. (1984). *Alam terkembang jadi guru: Adat dan kebudayaan Minangkabau*. PT Pustaka Grafitipers.
- Piwowar-Sulej, K., & Iqbal, Q. (2023). Leadership styles and sustainable performance: A systematic literature review. *Journal of Cleaner Production*, 382, 1-14. <https://doi.org/10.1016/j.jclepro.2022.134600>
- Pramono. (2020). *Tambo Adat dan Limbago: Transliterasi dan perbincangan isi*. UPTD Museum Adityawarman.
- Prati, L. M., McMillan-Capehart, A., & Karriker, J. H. (2009). Affecting organizational identity: A manager’s influence. *Journal of Leadership & Organizational Studies*, 15(4), 404-415. <https://doi.org/10.1177/1548051809331502>
- Pratidina, G., Sastrawan, B., & Iskandar, A. (2019). Comparison of situational leadership in the management of forest. *International Journal of Management*, 10(6), 338-345. <https://doi.org/10.34218/IJM.10.6.2019.032>
- Rouzati, N. (2018). Evil and human suffering in Islamic thought – Towards a mystical theodicy. *Religious*, 9(4), 1-13. <https://doi.org/10.3390/rel9020047>
- Sahid, M. M. (2018). Adat Perpatih berpandukan syarak. *Seminar Adat Perpatih Luak Tanah Mengandung, Seri Menanti, Negeri Sembilan*. https://www.researchgate.net/publication/326032648_ADAT_PERPATIH_BERPANDUKAN_SYARAK
- Sahid, M. M., Chaedar, M., Hasan, B. M. M., & Amar, F. (2021). Leadership system of *Adat Perpatih* in Malaysia as a model of consensus and democracy concept: An analytical study. *Psychology and Education*, 58(3), 1199-1206.
- Saludin, M. R., & Maulud, M. H. (2021). The origin of the tribes in Negeri Sembilan based on location in West Sumatera, Indonesia. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 5(1), 137-147.
- Saludin, M. R., Ismail, N. S. A., Bahaman, B., & Jaafar, M. (2021). Supervision of the values and identities of the youth in the political image of the Petiti Proverbs of Negeri Sembilan. *International Journal of Management*, 12(1), 367-373. <https://doi.org/10.34218/IJM.12.1.2021.031>
- Saludin, M. R., Ismail, N. S. A., & Razali, N. R. (2020). Management of the Adat Perpatih Matriarchy in Negeri Sembilan. *International Journal of Management (IJM)*, 11(12), 1527-1536. <https://doi.org/10.34218/IJM.11.12.2020.138>
- Setyaningsih, T., Bastian, I., Arifa, C., & Rakhman, F. (2023). Pandemic leadership: Is it just a matter of good and bad? *Public Organization Review*, 23, 605-621. <https://doi.org/10.1007/s11115-023-00712-6>

- Shahbal, S., Khan, A., & Al-Kubaisi, H. (2022). Leadership styles, role and opportunities: Reflection in educational management system. *Journal of Pharmaceutical Negative Results*, 13(9), 1452-1460. <https://doi.org/10.47750/pnr.2022.13S09.176>
- Sidek, A. (1975). *Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia*. Universiti Malaya.
- Su, C., & Flew, T. (2020). The rise of Baidu, Alibaba and Tencent (BAT) and their role in China's Belt and Road Initiative (BRI). *Global Media and Communication*, 17(1), 67-86. <https://doi.org/10.1177/1742766520982324>
- Vogt, M., & Blaabichler, A. A. (2021). Historical research in education: Understanding contemporary situations and conditions through analysis of the relevant history. An interview with The Lucien Criblez. *Espacio, Tiempo y Educación*, 8(2), 251-257. <https://doi.org/10.14516/ete.433>
- Young, J. C., Rose, D. C., Mumby, H. S., Benitez-Capistros, F., Derrick, C. J., Finch, T., Garcia, C., Home, C., Marwaha, E., Morgans, C., Parkinson, S., Shah, J., Wilson, K. A., & Mukherjee, N. (2017). A methodological guide to using and reporting on interviews in conservation science research. *Methods in Ecology and Evolution*, 9(1), 10-19. <https://doi.org/10.1111/2041-210X.12828>
- Yun, J. J., Zhao, X., Park, K., & Shi, L. (2020). Sustainability condition of open innovation: dynamic growth of Alibaba from SME to large enterprise. *Sustainability*, 12(11), 1-24. <https://doi.org/10.3390/su12114379>
- Zurnetti, A., Mulyati, N., Nova, E., & Afrizal, R. (2023). The role of the Minangkabau Customary Law Tigo Tungku Sejarangan in preventing domestic violence against women and children in West Sumatra, Indonesia. *Journal of the International Society for the Study of Vernacular Settlements (ISVS e-Journal)*, 10(1), 229-237.

